

PERATURAN PERNIAGAAN PENGEDAR GANO EXCEL

OBJEKTIF

1. Menerangkan hak, tanggungjawab dan tugas pengedar.
2. Menerangkan peraturan-peraturan yang patut dipatuhi oleh pengedar di bawah Akta Jualan Langsung 1993 serta pindaan-pindaan yang berkaitan.
3. Menerangkan perhubungan antara pengedar dengan pengedar agar keharmonian dapat dikekalkan.
4. Menerangkan perhubungan antara pengedar dengan syarikat agar perniagaan dapat dimajukan.
5. Menjamin faedah-faedah pengedar dalam penjualan dan pelan pemasaran.
6. Membimbing pengedar dalam pembentukan konsep perniagaan yang mulia dan beretika.

KOD ETIKA

Gano Excel Enterprise Sdn Bhd (Co. No. 352730-W) (AJL 93850) adalah sebuah syarikat yang mementingkan kualiti produk dan perkhidmatan. Walaupun para pengedar bebas menguruskan perniagaan mereka, namun begitu untuk mengamalkan perniagaan yang baik, kita perlu memastikan bahawa semua pengedar berjanji mengamalkan etika baik pada setiap masa. Dengan ini, dalam membina perniagaan Gano Excel, setiap pengedar mesti mematuhi Kod Etika Gano Excel Enterprise Sdn Bhd. Pelanggaran sebarang Kod Etika Gano Excel boleh menyebabkan seseorang pengedar itu ditamatkan keahliannya.

Kod Etika menyatakan seperti berikut:

1. Saya akan mengikut dan mematuhi segala peraturan dan bertingkahtlaku jujur, tulus dan ikhlas dalam menjalankan perniagaan Gano Excel.
2. Saya tidak akan mendakwa atau mengisytarkan tentang produk Gano Excel selain daripada yang ternyata dalam persuratan, risalah atau label syarikat semasa, melainkan dakwaan atau kenyataan itu telah diluluskan oleh syarikat secara bertulis.
3. Saya akan menerangkan Pelan Pemasaran Gano Excel dengan tepat dan jujur serta memberi keterangan yang jelas dan lengkap mengenai tahap usaha yang diperlukan untuk mencapai kejayaan.
4. Saya tidak akan mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan atau perkara yang negatif atau memburukkan nama syarikat, produk dan pengedar-pengedar yang lain bagi tujuan kepentingan peribadi.
5. Saya tidak akan terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang boleh merugikan Gano Excel atau pengedar-pengedar Gano Excel yang lain.
6. Saya tidak akan menggunakan jenama perniagaan Gano Excel, penerangan, persuratan, mesyuarat, perhimpunan atau apa sumber Gano Excel untuk faedah perniagaan lain.
7. Saya akan berusaha penuh untuk memastikan bahawa pelanggan-pelanggan saya berpuas hati dengan produk Gano Excel dan layanan daripada saya.
8. Saya akan melaksanakan semua tanggungjawab saya sebagai pengedar, penaja dan pemimpin untuk membina perniagaan Gano Excel saya.
9. Saya akan mematuhi semua Akta, peraturan, undang-undang dan arahan dalam menjalankan perniagaan Gano Excel saya yang tersendiri.
10. Saya akan menghormati rahsia dan perkara sulit terhadap pengedar-pengedar dan pelanggan-pelanggan saya.

1.0 KELAYAKAN UNTUK MENJADI SEORANG PENGEDAR

1.1 Tertakluk kepada peraturan-peraturan ini, setiap individu yang berumur 18 tahun dan ke atas tidak mengira jantina, bangsa, kepercayaan politik atau agama boleh memohon untuk mendaftar sebagai pengedar Gano Excel dengan syarat permohonan tersebut ditaja oleh pengedar lain yang telah berdaftar dengan Gano Excel secara sah.

1.2 Pendaftaran Keahlian Ahli Baru

- 1.2.1. Pasangan suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua tidak dibenarkan ditaja oleh pengedar lain untuk memperolehi keahlian pengedar dalam kumpulan yang berasingan.
- 1.2.2. Suami dan isteri adalah dikira sebagai SATU keahlian. Anak / ibubapa / ibubapa mentua yang ingin memohon keahlian haruslah berada di dalam kumpulan yang sama.
- 1.2.3. Bagi pasangan berpoligami dalam keadaan di mana pengedar tersebut mempunyai lebih daripada seorang isteri yang sah maka isteri-isteri yang lain yang ingin memohon keahlian pengedar perlu ditaja oleh suaminya.
- 1.2.4. Jika terdapat dua pengedar berasingan berkahwin selepas menjalankan perniagaan Gano Excel, mereka boleh membuat pilihan berikut:
 - (i) Menamatkan keahlian salah satu hak pengedaran dan talian bawahan beliau akan dikekalkan kepada talian tajaan asalnya.
 - (ii) Mengekalkan keadaan yang asal.
- 1.2.5. Untuk hak pengedaran suami isteri, kesemua anugerah atau pingat akan disampaikan secara berkongsi.
- 1.3 Gano Excel berhak menolak sebarang permohonan untuk berdaftar sebagai pengedar tanpa memberi sebarang sebab dan alasan.
- 1.4 Sesebuah syarikat atau perniagaan perkongsian tidak dibenarkan memohon untuk berdaftar sebagai pengedar.
- 1.5 Seseorang individu yang keahliannya telah ditamatkan atas keinginan sendiri boleh memohon semula untuk berdaftar sebagai pengedar pada bila-bila masa dengan syarat beliau perlu ditaja oleh penaja asalnya.
- 1.6 Pendaftaran Semula Keahlian
 - 1.6.1. Tertakluk kepada kelulusan Gano Excel seseorang bekas pengedar yang telah mengikuti jangkamasa tidak aktif (inactive) tidak kurang daripada dua belas (12) bulan dari tarikh akhir aktif boleh ditaja oleh mana-mana kumpulan.
 - 1.6.2. Pengedar dianggap tidak aktif (inactive) sekiranya beliau tidak mengekalkan Jualan Peribadi (Personal Point Value) sekurang-kurangnya 100 PPV setiap bulan dalam tempoh masa DUA BELAS (12) bulan berturut-turut.
 - 1.6.3. Seseorang pemohon mesti memberi pengakuan bertulis sama ada dia atau suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua adalah atau pernah menjadi pengedar Gano Excel dan hendaklah menyatakan sebab-sebab penamatan keahliannya atau suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua. Jika bekas pengedar gagal atau lalai memberi pengakuan atau membuat pengakuan palsu atau pengakuan mengelirukan, Gano Excel berhak menamatkan keahliannya pada bila-bila masa.
- 1.7 Seseorang individu tidak dibenarkan memegang lebih daripada satu (1) keahlian pengedar Gano Excel pada sesuatu masa dan tidak dibenarkan berhasrat atau mempunyai atau memiliki sebarang kepentingan kewangan (secara langsung atau tidak langsung) terhadap keahlian pengedar Gano Excel yang lain selain daripada sebarang kepentingan yang diperolehi daripada pemindahan jualan atau penyerahan hak yang mana Gano Excel telah bersetuju secara bertulis atau diperolehi menurut Peraturan 9.4 di bawah.
- 1.8 Lanjutan kepada Peraturan 1.7 di atas nominee kepada seorang pengedar atau pasangannya tidak boleh memohon atau didaftarkan sebagai pengedar Gano Excel. Seseorang individu dianggap sebagai nominee kepada seseorang pengedar jika individu berkenaan mengambil bahagian atau membantu penjualan, penajaan dan / atau promosi untuk pengedar tersebut atau bersetuju atau menerima apa - apa faedah daripada hasil jualan pengedar tersebut. Seseorang pengedar yang menerima sebarang faedah sebagai penaja (upline) kepada pengedar tersebut tidak dianggap sebagai seorang nominee bagi maksud tersebut di atas.
- 1.9 Jika pengedar menyembunyikan atau gagal memberitahu Gano Excel mengenai apa-apa maklumat yang jikalau diberitahu boleh mengakibatkan Gano Excel menolak permohonan pengedar atau menamatkan keahlian pengedar, maka dalam keadaan demikian, Gano Excel mengikut budi bicaranya berhak menamatkan keahlian pengedar pada bila-bila masa dan / atau memindahkan pengedar dan kesemua atau sebahagian tajaannya (downline) kepada kumpulan lain yang difikirkan sesuai oleh Gano Excel dan / atau menggantung keahlian pengedar untuk sesuatu tempoh atau mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan wajar oleh Gano Excel.

- 1.9.1. Jika Gano Excel mempercayai seseorang penaja tahu atau seharusnya tahu bahawa pengedar yang ditajanya menyembunyikan atau gagal memberi maklumat yang dinyatakan dalam Peraturan 1.9 di atas, Gano Excel berhak mengambil tindakan yang difikirkan wajar terhadap penaja tersebut termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggantungan keahlian, menggantung bonus, komisyen dan insentif serta menamatkan keahlian pengedar penaja tersebut.
- 1.10 Tanpa menjejaskan hak dan kuasa Gano Excel, jika didapati atau Gano Excel mempercayai bahawa seseorang pengedar mempunyai dua (2) atau lebih keahlian pengedar berasingan atas nama diri sendiri atau melalui nomineenya atau dianggap mempunyai dua (2) atau lebih keahlian berasingan, Gano Excel berhak:
- (i) Menamatkan keahlian terbaru dan tajaan (downline) keahlian yang ditamatkan akan dipindahkan ke atas; atau
 - (ii) Membatalkan keahlian terbaru dan / atau memindahkan kesemua tajaan (downline) terbarunya atau sebahagiannya kepada keahlian yang terdahulu atau kumpulan yang dianggap wajar oleh Gano Excel termasuk tetapi tidak terhad kepada pemindahan kesemua tajaan (downline) terbaru kepada penaja (upline) terdahulu dan dalam hal sedemikian pengedar tersebut akan menanggung segala kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Gano Excel yang terlibat daripada penamatan atau pembatalan atau perpindahan tersebut.
- 1.11 Apabila Gano Excel melaksanakan haknya untuk memindah atau mengalih mana-mana pengedar dan / atau tajaannya (downline) atau sebahagiannya kepada kumpulan lain, Gano Excel tidak perlu mendapatkan kebenaran pengedar-pengedar dalam kumpulan yang dipindahkan / dialihkan atau daripada kumpulan yang akan menerima pemindahan / pengalihan dan pengedar tidak berhak membuat tuntutan untuk sebarang kerugian atau gantirugi akibat atau berkaitan dengan pemindahan atau pengalihan pengedar atau kumpulannya.
- 1.12 Pengedar bersetuju untuk menyertai program Gano Excel Family Fund (GEFF) dan bersetuju untuk mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Gano Excel.

2.0 PERMOHONAN KEAHLIAN PENGEDAR

- 2.1 Pemohon diwajibkan mengemukakan permohonannya dengan menggunakan Borang Permohonan Pengedar Gano Excel berserta salinan kad pengenalan dan yuran pendaftaran. Semua pemohon mesti ditaja oleh pengedar sah Gano Excel.
- 2.2 Kadar yuran pendaftaran yang dikenakan adalah bergantung kepada keadaan semasa dan syarikat berhak meminda / mengubah yuran pendaftaran dengan memaklumkan para pengedar melalui media perantaraan semasa.
- 2.3 Gano Excel akan berpandukan pada maklumat yang diberikan/disertakan dalam Borang Permohonan Pengedar yang mana akan digunakan dalam surat-menyurat, penghantaran bonus/penyampaian maklumat dan sebagainya mengikut lunas-lunas yang terkandung dalam Peraturan Perniagaan Pengedar Gano Excel dan Tatacara Kelakuan. Gano Excel tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekiranya berlaku sebarang pertikaian/tuntutan yang terlibat berkenaan perkara di atas.
 - 2.3.1 Pihak pengedar perlu memaklumkan kepada Gano Excel dalam tempoh TIGA PULUH (30) hari dari tarikh yang tertera pada Borang Permohonan Pengedar sekiranya maklumat yang disertakan mempunyai pembedaan yang mengakibatkan bonus/maklumat dan sebagainya yang sepatutnya diperolehi pengedar tidak sampai ke tangan pengedar tersebut. Sekiranya berlaku sebarang permasalahan selepas tamat tempoh yang dinyatakan, Gano Excel tidak akan bertanggungjawab. Keputusan Gano Excel adalah muktamad dan tidak boleh dipertikai oleh mana-mana pihak.
- 2.4 Jika terdapat apa-apa pengakuan atau kenyataan yang diumumkan atau dinyatakan dalam borang adalah palsu atau mengelirukan atau tidak benar atau Gano Excel percaya bahawa maklumat tersebut adalah palsu, mengelirukan atau tidak benar, Gano Excel berhak:
 - 2.4.1 Menamatkan keahlian dengan serta merta; atau
 - 2.4.2 Memindahkan atau mengalih pengedar dan / atau keseluruhan tajaan (downline) atau sebahagiannya kepada sesuatu kumpulan yang difikirkan wajar oleh Gano Excel; atau
 - 2.4.3 Menggantung keahlian pengedar untuk sesuatu tempoh; atau
 - 2.4.4 Menggantung bonus, komisyen, faedah atau insentif yang patut diberikan atau terakru kepada pengedar; atau
 - 2.4.5 Mengambil tindakan yang dianggap wajar oleh Gano Excel.
- 2.5 Pemohon yang berjaya akan dilantik dan didaftarkan sebagai pengedar dan akan diberikan kad keahlian pengedar yang sah dan kit perniagaan yang lengkap dan informasi-informasi berkaitan pelan pemasaran dan produk Gano Excel.
- 2.6 Yuran pendaftaran akan dikembalikan kepada pemohon yang tidak berjaya. Walau bagaimanapun sekiranya kit perniagaan telah diberikan kepada pemohon yang tidak berjaya, pengembalian yuran pendaftaran hanya akan dibuat selepas kit perniagaan dikembalikan kepada Gano Excel dalam keadaan baik dan keadaan boleh dijual semula.
- 2.7 Pemohon yang berjaya namanya seperti dicatatkan dalam Borang Permohonan Pengedar akan didaftarkan sebagai pengedar Gano Excel.
 - 2.7.1 Jika pengedar telah berkahwin, dia perlu mengemukakan nama dan maklumat suami / isterinya kepada Gano Excel.
 - 2.7.2 Jika pengedar mempunyai lebih dari seorang isteri yang sah, beliau boleh melantik salah seorang isterinya untuk tujuan Peraturan 9.4(b).
 - 2.7.3 Pengedar digalakkan menamakan benefisiari (waris). Haknya sebagai benefisiari hanya akan berkuatkuasa sekiranya suami / isteri pengedar atau isteri yang dinamakan gagal untuk mengambil alih / memperoleh hak keahlian pengedar mengikut peraturan-peraturan ini. Jika benefisiari yang dinamakan masih di bawah umur, pengedar diwajibkan melantik seorang pemegang amanah untuk memegang hak dan faedah bagi pihak benefisiari tersebut.
- 2.8 Hanya individu yang namanya didaftarkan sebagai pengedar berhak menerima bonus, komisyen insentif dan lain-lain faedah terakru atau diperolehinya. Suami/ isteri pengedar atau isteri pengedar yang dinamakan tidak mempunyai hak atau locus standi untuk menuntut bonus, komisyen, insentif dan faedah yang terakru atau diperolehi dari Gano Excel melainkan seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan 9.4(a),(b) atau (c).
 - 2.8.1 Jika suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua pengedar membuat atau menjalankan sesuatu yang sekiranya dilaksanakan oleh pengedar sendiri akan:

- (i) Melanggar undang-undang atau peraturan yang mengawal jualan langsung; atau
- (ii) Mengakibatkan kemungkiran syarat-syarat dan peraturan-peraturan atau Kod Etika; atau
- (iii) Memberi hak kepada Gano Excel menamatkan atau menggantung perlantikan pengedar; atau
- (iv) Memberi hak kepada Gano Excel mengambil tindakan terhadap pengedar merangkumi tetapi tidak terhad kepada penggantungan atau menahan bonus, komisyen, insentif atau lain-lain faedah; maka dalam keadaan sedemikian semua tindakan suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua pengedar tersebut dianggap sebagai tindakan pengedar sendiri dan Gano Excel berhak melaksanakan segala hak kuasa dan remedi di bawah peraturan-peraturan ini atau di sisi undang-undang atau di ekuiti berdasarkan tindakan suami / isteri / anak pengedar dianggap sebagai tindakan pengedar sendiri.

3.0 PENAJAAN

3.1 Tertakluk kepada peraturan-peraturan ini, hanya seseorang pengedar berdaftar sah sahaja boleh menaja sesiapa yang menepati kelayakan seperti yang tertera dalam peraturan-peraturan, prosedur permohonan keahlian dan sebarang kriteria berkaitan yang diperlukan oleh Gano Excel untuk menjadi pengedar. Selepas menaja seseorang sebagai pengedar syarikat, penaja mesti menghantar Borang Permohonan Pengedar serta lain-lain dokumen yang berkaitan kepada Gano Excel dengan serta-merta untuk diproses.

3.1.1 Pengedar yang menaja individu untuk menjadi pengedar Gano Excel perlu memastikan bahawa individu itu memenuhi syarat peraturan-peraturan ini dan layak untuk menjadi pengedar Gano Excel khususnya pengedar berkenaan harus memastikan:

- (i) Individu yang ditaja bukan pengedar atau suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua kepada seseorang pengedar Gano Excel;
- (ii) Individu yang ditaja bukannya nominee kepada seseorang pengedar atau bekas pengedar atau suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua kepada seseorang pengedar tersebut atau bekas pengedar;
- (iii) Larangan yang disenaraikan dalam Peruntukan 1.6.1 tidak terpakai.
- (iv) Borang yang dilengkapkan oleh individu yang ditaja hendaklah lengkap dan benar dan penaja perlu memastikan dan menentusahkan bahawa butir-butir yang diberi sama seperti yang tertera pada kad pengenalan individu yang ditaja.

3.1.2 Pengedar dilarang menggunakan khidmat atau pertolongan dalam sebarang bentuk dari orang lain, pertubuhan, syarikat atau firma untuk menaja atau menjual tidak kira sama ada perkhidmatan atau pertolongan tersebut berbayar atau percuma. Pengedar dilarang mengambil bahagian dalam sebarang seminar, program atau aktiviti yang bertujuan menawarkan perkhidmatan atau bantuan sedemikian.

3.1.3 Pengedar juga dilarang, sama ada dengan sendiri atau melalui firma, syarikat atau pertubuhan, menawarkan perkhidmatan dan bantuan sedemikian seperti yang tercatat dalam Peraturan 3.1.2 kepada pengedar Gano Excel atau orang awam atau cuba melakukan tindakan yang disebutkan.

3.1.4 Mana-mana pengedar yang didapati melanggar Peraturan 3.1.2 atau 3.1.3 atau 3.1.4 boleh dikenakan penamatan keahlian pengedarannya atau digantung sepertimana yang difikirkan wajar oleh Gano Excel. Untuk mengelakkan kekeliruan, tidak menjadi kesalahan Peraturan 3.1.3 di atas jika pengedar membantu tajaannya (downline) sendiri dan jika perkhidmatan diberikan secara percuma dan sukarela dan tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan-peraturan ini.

3.1.5 Pengedar dilarang menjalankan atau menggalakkan penajaan baru melalui internet kecuali laman web rasmi syarikat.

3.2 Pengedar tidak dibenarkan menaja atau mendorong seseorang menjadi pengedar Gano Excel:

- (i) Dengan paksaan, ancaman, ugutan atau desakan; atau
- (ii) Dengan membuat atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan atau penyampaian palsu termasuk pernyataan yang mengatakan bahawa pengedar boleh memperolehi keuntungan kewangan hanya dengan menaja individu menjadi pengedar Gano Excel; atau
- (iii) Dengan memberikan atau menjanjikan hadiah berbentuk wang atau jenis sogokan dan insentif yang lain; atau

- (iv) Berbohong atau menipu dengan menggunakan nama atau logo atau cap dagang Gano Excel untuk mendorong atau memujuk seseorang individu menjadi pengedar; atau
 - (v) Dengan menggunakan khidmat pihak lain.
- 3.3 Pengedar dilarang memujuk atau menyebabkan pengedar lain menyerahkan atau menamatkan keahliannya atau menjadi tidak aktif atau meninggalkan penajanya secara langsung atau tidak langsung.
- 3.3.1 Meskipun terdapat Peraturan 1.5 dan 1.6.1 di atas, seseorang pengedar yang melanggar Peraturan 3.3 di atas tidak boleh menaja pengedar lain yang tersebut di atas ke kumpulannya atau ke kumpulan lain. Begitu juga pengedar lain tersebut di atas tidak boleh memohon semula atau ditaja oleh mana-mana pengedar selain dari penaja asalnya.
- 3.4 Pengedar tidak dibenarkan menukar penajanya. Syarikat tidak mengizinkan pengedar menukar sebahagian atau semua ahli kumpulannya kepada orang lain.
- 3.5 Permohonan untuk menukar penaja atau memindah sebahagian atau semua jualan kumpulan sendiri tidak dibenarkan.
- 3.6 Pengedar dikehendaki memberi latihan dan bimbingan perniagaan yang sewajarnya kepada pengedar baru yang ditaja olehnya sebaik sahaja perantikannya diterima oleh syarikat.
- 3.7 Pengedar dikehendaki mengekalkan perhubungan yang bebas dan profesional dengan tajaannya (downline).

4.0 PENGENDALIAN PERNIAGAAN

- 4.1 Gano Excel diberi kuasa dan berhak untuk menyiarkan nama dan butiran pengedar atau gambarnya atau rencana mengenai pengedar atau perakuan (testimoni) pengedar dalam Gano Excel Entrepreneur, suratkhobar, televisyen, radio, majlis, multi-media dan sebarang perantaraan lain untuk kegunaan syarikat;
- 4.1.1 Dengan menjadi pengedar Gano Excel, pengedar memberikan kebenaran dan hak kuasa kepada Gano Excel seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 4.1 di atas berserta hak untuk menyiarkan maklumat seperti disebut di atas secara percuma dan tanpa apa-apa tuntutan, komisen, royalti atau lain-lain bayaran;
- 4.1.2 Hak tersebut masih kekal dan tidak dihapuskan walaupun keahlian pengedar telah tamat dan hakcipta ke atas gambar, rencana, perakuan dan lain-lain dokumen terus dimiliki oleh Gano Excel dan Gano Excel berhak untuk menyiarkannya pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai tanpa sebarang tuntutan atau halangan daripada pengedar berkenaan.
- 4.2 Selepas permohonan pengedar diluluskan, syarikat akan menghantar kad pengesahan pengedar yang mengandungi butir-butir pengedaran kepada pengedar untuk melekatkan gambarnya di mana gambar tersebut:
- (i) Mempunyai ukuran 3.8cm x 3.2cm tanpa sempadan (birai hias)
 - (ii) Tanpa sebarang penutup kepala kecuali kehendak agama atau budaya bangsa pengedar. Akan tetapi penutup tersebut tidak boleh terlindung mukanya.
- 4.3 Dalam setiap kegiatan jualan atau rundingan, pengedar mesti menggunakan Kad Keahlian yang sah dan memperkenalkan diri dengan menunjukkan Kad Keahlian yang sah dan Kad Pengenalan.
- 4.4 Para pengedar yang menukar alamat harus memberi notis bertulis kepada syarikat supaya bahan-bahan yang dipos kepada pengedar selamat diterima.

4.5 Pengedar dikehendaki sentiasa mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Jualan Langsung 1993 dan semua peraturan-peraturan yang dibuat sejajar dengannya dan seolah-olahnya pengedar yang menjalankan jualan pintu ke pintu di bawah makna "jualan pintu ke pintu" yang diberi oleh Akta Jualan Langsung 1993 dikehendaki:

- (i) Tidak mengunjungi kediaman sesiapa pada hari cuti am atau sebarang hari di antara jam 7 malam hingga tengah malam tanpa membuat temujanji terlebih dahulu;
- (ii) Apabila jualan produk Gano Excel bernilai RM 300.00 atau lebih, pengedar perlu memastikan kontrak jualan adalah secara bertulis dan disediakan ruang untuk tandatangan pembeli di mana pernyataan "KONTRAK INI TERTAKLUK KEPADA TEMPOH BERTENANG 10 HARI BEKERJA" dicetak dalam huruf besar tidak kecil daripada 18 poin dan perlu dipastikan kontrak tersebut ditandatangani oleh pengedar dan pembeli terbabit. Pengedar dikehendaki memberikan satu salinan kontrak berkenaan kepada pembeli berserta notis pemberitahuan hak pembeli membatalkan kontrak berkenaan sebelum tamat tempoh bertenang yang telah dipersetujui dan notis berformat seperti yang ditetapkan oleh Akta Jualan Langsung 1993. Selanjutnya produk tidak boleh dihantar serah dan bayaran dikutip dari pembeli dalam Tempoh Bertenang;
- (iii) Pengedar dikehendaki meninggalkan kediaman pelanggan dengan segera apabila diarahkan berbuat demikian dan tidak memaksa pelanggan mendengar penerangan yang selanjutnya.

4.6 Pengedar dikehendaki mengeluarkan resit kepada pelanggan untuk kesemua produk yang dibelinya dan resit tersebut perlu menyatakan dengan jelas nama produk, harga, nama pengedar, nombor kod, nombor kad pengenalan dan tandatangan oleh pengedar.

4.7 Pengedar dikehendaki mematuhi dan menuruti peraturan-peraturan ini (termasuk sebarang pindaan ke atasnya) dan Kod Etika yang dikeluarkan oleh Gano Excel.

4.8 Pengedar dikehendaki memperkenalkan produk Gano Excel dan Pelan Pemasaran kepada pelanggan atau pengedar yang berpotensi secara jujur dan benar dan dilarang membuat sebarang pernyataan palsu atau mengelirukan dalam keghairahannya menjual produk-produk Gano Excel dan dilarang sama sekali menggunakan isu perkauman, politik, agama atau isu-isu sensitif yang lain dalam membuat jualan produk-produk Gano Excel.

4.9 Pengedar dikehendaki mendemonstrasi dan menerangkan dengan jelas kepada pembeli dan tajaannya (downline) kegunaan dan keberkesanan produk Gano Excel dengan betul dan dilarang sama sekali membuat pernyataan palsu, atau mengelirukan berkaitan dengan penerangan produk Gano Excel, cara penggunaannya dan keberkesanannya. Pengedar yang membuat kenyataan palsu, mengelirukan atau menyampaikan maklumat salah akan menanggung segala kerugian yang dialami oleh Gano Excel.

4.10 Semasa menerangkan Pelan Pemasaran Gano Excel, seseorang pengedar:

- (i) Tidak harus membuat kenyataan atau pengakuan yang bertentangan dengan yang terkandung dalam risalah, majalah, info dan apa-apa bahan terbitan maklumat yang dikeluarkan oleh Gano Excel. Jika nama Gano Excel dirosakkan atas sebab tersebut, pengedar berkenaan akan menanggung semua kos pembayaran gantirugi diatas tindakan mereka.
- (ii) Tidak boleh membuat dakwaan "pengubat khusus" atas produk Gano Excel seperti yang ditetapkan oleh Akta dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.11 Setiap pengedar adalah usahawan berdikari dan kejayaan atau kegagalan perniagaannya

bergantung kepada pengedar sendiri. Gano Excel dan pengedar adalah dua pihak yang berdikari tanpa terikat kepada perhubungan seperti agensi atau pekerja. Oleh itu, seseorang pengedar:

- (i) Tidak berkuasa untuk menggunakan nama, logo, slogan, risalah atau tanda perniagaan Gano Excel tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Gano Excel.
- (ii) Pengedar bukan pekerja atau agen Gano Excel tetapi adalah pengedar berdikari / usahawan.
- (iii) Tidak mempunyai hak istimewa untuk sesuatu kawasan dan pasaran adalah terbuka kepada semua pengedar Gano Excel.
- (iv) Harus memahami undang-undang mengenai jualan langsung terutamanya peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Jualan Langsung 1993.
- (v) Mesti menyimpan rekod pendapatannya bagi tujuan cukai pendapatan mengikut undang-undang pencukaian.
- (vi) Pengedar tidak dibenarkan mendakwa dirinya mewakili atau berkuasa mewakili Gano Excel dalam apa jua urusan atau transaksi.

4.12 Pengedar berpangkat Ambassador dan ke atas dilarang sama sekali atau dengan apa cara jua pun terlibat atau berminat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam kegiatan syarikat jualan langsung / syarikat jualan langsung berbilang tingkat atau sesebuah syarikat yang bersaing dengan Gano Excel.

4.13 Pengedar dianggap terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam kegiatan syarikat jualan langsung / syarikat jualan langsung berbilang tingkat yang lain atau syarikat yang bersaing dengan Gano Excel sekiranya;

- (i) Pengedar dan / atau suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua adalah kakitangan (peringkat Eksekutif atau Pengurusan), pemegang saham atau pengarah syarikat jualan langsung / syarikat jualan langsung berbilang tingkat yang lain atau sesebuah syarikat yang bersaing dengan Gano Excel; atau
- (ii) Pengedar dan / atau suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua adalah pengedar atau ahli syarikat jualan langsung / syarikat jualan langsung berbilang tingkat yang lain atau sesebuah syarikat yang bersaing dengan Gano Excel; atau
- (iii) Pengedar dan / atau suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua terlibat dalam penjualan, pengedaran atau mempromosi produk syarikat jualan langsung / syarikat jualan langsung berbilang tingkat yang lain atau sesebuah syarikat yang bersaing dengan Gano Excel.
- (iv) Pengedar dan / atau suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua terlibat sebagai penasihat atau perunding kepada syarikat jualan langsung / syarikat jualan langsung berbilang tingkat yang lain atau sesebuah syarikat yang bersaing dengan Gano Excel.
- (v) Pengedar dan / atau suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua terlibat dalam memberi sebarang perkhidmatan atau latihan kepada orang yang bukan pengedar Gano Excel tidak kira sama ada perkhidmatan atau latihan tersebut melibatkan jualan langsung / syarikat jualan langsung berbilang tingkat atau sesebuah syarikat yang bersaing dengan Gano Excel.

Sama ada sesebuah syarikat bersaing dengan Gano Excel adalah ditentukan oleh pihak Gano Excel dan tidak boleh dipertikaikan oleh pengedar dan keputusan yang dibuat oleh Gano Excel adalah muktamad.

- 4.14 Pelaksanaan Peraturan 4.13 adalah atas budi bicara Gano Excel dan digunapakai bersama Peraturan 2.4.2.
- 4.15 Pengedar tidak dibenarkan menjual, mempamerkan atau mempromosikan sebarang produk Gano Excel di dalam kedai, pasar / kedai askar, pasar mini, kompleks membeli-belah, gedung serbaneka, kelab (swasta atau sebaliknya).
- 4.16 Pengedar dibenarkan mempromosi, menjual melalui internet sama ada di platform media sosial atau laman-laman web e-commerce selagi mana ia tidak menyalahi undang-undang syarikat dan penganjur laman-laman web tersebut.
- 4.17 Pengedar adalah dilarang sama sekali menjual produk Gano Excel di bawah harga jualan sama ada di laman-laman web e-commerce, media sosial, atau di mana-mana platform jualan atas talian atau luar talian.
- 4.18 Syarikat boleh mengambil tindakan yang difikirkan sesuai jika didapati pengedar melanggar peraturan jualan yang telah ditetapkan.
- 4.19 Pengedar dilarang menubuhkan apa-apa pusat jualan atau bekalan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi untuk penjualan atau pengedaran produk Gano Excel dan pengedar sama sekali dilarang melekat atau mempamerkan nama, logo atau papan tanda Gano Excel di dalam atau di luar mana mana bangunan atau tempat-tempat lain tanpa kelulusan bertulis dari Gano Excel.
- 4.19 Penaja tidak boleh meminta pengedar yang ditajanya membuat perkara-perkara berikut:
 - (i) Membeli atau menyimpan satu kuantiti tertentu (front loading) mengenai produk atau alatan bantu perniagaan.
 - (ii) Membeli bahan jualan dan pasaran bukan dari Gano Excel.
- 4.20 Pengedar tidak dibenarkan melabel atau membungkus semula sebarang produk keluaran Gano Excel.
- 4.21 Semua produk keluaran Gano Excel harus dipasarkan dan dijual dalam bentuk serta pembungkusan yang asal.
- 4.22 Pengedar tidak dibenarkan menjual atau mengedarkan sebarang produk Gano Excel pada apa jua harga atau syarat selain daripada yang ditetapkan dan dipersetujui oleh Gano Excel dan tidak dibenarkan menawarkan sebarang hadiah diskaun insentif atau jualan di bawah harga atau muslihat promosi yang lain dalam penjualan atau pengedaran sebarang produk Gano Excel selain daripada yang ditetapkan dan diluluskan oleh Gano Excel. Pengedar mesti mematuhi dan mengikut harga jualan yang ditetapkan oleh Gano Excel.
- 4.23 Pengedar –
 - (i) Dilarang menggunakan logo, nama, cap dagang atau slogan Gano Excel untuk sebarang tujuan tanpa kebenaran bertulis Gano Excel dan tidak dibenarkan dalam sebarang keadaan pun mempunyai dan menerbitkan atau mengedarkan sebarang kenyataan, brosur, risalah, surat sebaran, iklan dalam mana-mana media berkaitan apa-apa perkara tentang Gano Excel produknya, rancangan pembangunan perniagaan dan lain-lain hal berkenaan Gano Excel;
 - (ii) Dilarang memasarkan, menjual, mengedarkan atau mempromosikan barangan perniagaan atau perkhidmatan atau aktiviti syarikat lain tidak kira sama ada syarikat jualan langsung atau tidak kepada pengedar Gano Excel atau merekrut atau menaja mana-mana pengedar untuk menyertai syarikat lain sama ada syarikat itu syarikat jualan langsung atau tidak;
 - (iii) Dilarang menggunakan atau menjalankan sebarang aktiviti di majlis-majlis, seminar, mesyuarat, program, pejabat, pusat perkhidmatan, pusat stokis dan stokis untuk mempromosi atau menjual produk sendiri atau produk syarikat lain atau orang lain.
- 4.26 Pengedar tidak dibenarkan sama sekali atau dalam sebarang penyamaran menjual atau mengatur sebarang penjualan atau pengedaran sebarang produk Gano Excel dengan menggunakan nama pengedar lain sama ada pengedar tersebut bersetuju atau tidak dengan penjualan atau pengedaran yang menggunakan namanya. Pengedar tidak dibenarkan memujuk atau mengatur supaya jualan tajaan (downline) atau jualan tajaan (downline) pengedar lain dikira sebagai jualan.
- 4.25 Pengedar tidak dibenarkan menjual atau mengedarkan sebarang produk Gano Excel di

- mana tempoh hayat penggunaan produk tersebut telah tamat atau hampir tamat.
- 4.26 Pengedar tidak dibenarkan menyebarkan, membuat atau menerbitkan sebarang fitnah tentang Gano Excel atau produk-produknya dan tidak dibenarkan menyebarkan, mengatakan atau menerbitkan sebarang komen atau kenyataan yang boleh atau berkemungkinan menjejaskan kepentingan, imej dan / atau reputasi Gano Excel atau jualan produknya.
- 4.27 Pengedar tidak dibenarkan sama sekali bertindak atau cuba bertindak untuk memujuk atau memaksa pengedar lain mengambil bahagian dalam penjualan atau pengedaran atau aktiviti-aktiviti syarikat jualan langsung / syarikat jualan langsung berbilang tingkat yang lain atau sesebuah syarikat yang bersaing dengan Gano Excel.
- 4.3 Apabila pengedar yang berstatus Ambassador dan ke bawah menjadi pengedar atau ahli syarikat jualan langsung / syarikat jualan langsung berbilang tingkat yang lain atau sesebuah syarikat yang bersaing dengan Gano Excel, pengedar berkenaan perlu menyatakan kecenderungannya di dalam syarikat jualan langsung yang lain itu kepada Gano Excel dan apabila seseorang pengedar diiktiraf pangkat Ambassador dan ke atas, pengedar berkenaan perlu melepaskan dan mengisytiharkan pelepasan segala hak dan kepentingannya di dalam syarikat jualan / syarikat jualan langsung berbilang tingkat yang lain atau sesebuah syarikat yang bersaing dengan Gano Excel dan daripada tarikh kenaikan pangkat Ambassador dan ke atas pengedar dilarang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam jualan, pengedaran dan / atau aktiviti syarikat jualan langsung / syarikat jualan langsung berbilang tingkat yang lain atau sesebuah syarikat yang bersaing dengan Gano Excel.
- 4.29 Peraturan 4.28 di atas akan digunapakai bersama Peraturan 2.4.2

5.0 JAMINAN DAN PEMULANGAN PRODUK

- 5.1 Apabila terjadi mana-mana kejadian berikut dan atas permintaan pengedar, Gano Excel akan membeli balik produk-produk Gano Excel daripada pengedar berkenaan selepas ditolak semua komisen yang telah dibayar oleh Gano Excel yang melibatkan jualan produk-produk tersebut dan yuran pemprosesan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa berkenaan (di mana dirujuk sebagai 'Harga Beli-Balik'):
- a) Apabila pengedar sendirinya menamatkan keahliannya sebagai pengedar Gano Excel, atau
 - b) Apabila keahlian pengedar ditamatkan oleh Gano Excel; Dengan syarat:
 - (i) Produk-produk tersebut dalam keadaan baik dan masih boleh dijual; dan
 - (ii) Jangkamasa daripada tarikh beli produk tersebut (Bil Tunai perlu dikemukakan) hingga tarikh permohonan berkenaan kepada Gano Excel untuk membeli balik produk-produk tersebut tidak melebihi seratus lapan puluh (180) hari; dan
 - (iii) PV dan nilai mata yang diperolehi oleh pengedar berkenaan daripada jualan produk-produk tersebut ditolak daripada jualan pengedar berkenaan dan komisen dan faedah yang terakru kepada pengedar akan diselaraskan; dan
 - (iv) Produk-produk tersebut dikembalikan terus ke Ibu Pejabat Gano Excel atau cawangannya, dan permohonan bertulis untuk pembelian balik dibuat kepada Gano Excel dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pengedar tidak lagi menjadi ahli pengedar Gano Excel samada ditamatkan atau sebaliknya.

Yuran pemprosesan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa berkenaan adalah 10% daripada harga yang dibayar oleh pengedar berkenaan setelah ditolak semua komisen yang telah dibayar oleh Gano Excel yang melibatkan jualan produk-produk tersebut dan juga ditolak semua kos-kos lain seperti pos, telefon dan sebagainya.

- 5.2 Apabila Gano Excel membeli balik atau diminta membeli balik produk-produk daripada pengedar atas sebarang alasan termasuk membeli balik di bawah Peraturan 5.1 Gano Excel berhak menilai semula komisen, bonus, nilai mata, pangkat, dan faedah lain yang

telah dibayar, diberi atau dinikmati oleh pengedar berkenaan dan/ atau pengedar lain yang memperolehi faedah daripada jualan produk-produk tersebut dan apabila Gano Excel menerima permohonan pengedar untuk membeli balik produk tersebut ianya akan dianggap tidak pernah dijual oleh pengedar berkenaan dan Gano Excel berhak untuk:

- (i) Menyelaraskan, mengira semula, menolak dan / atau meminta dikembalikan bayaran komisen, bonus, nilai mata, pangkat, dan faedah lain yang telah dibayar, diberi atau dinikmati oleh pengedar berkenaan dan / atau pengedar lain yang memperolehi faedah daripada jualan produk-produk tersebut; dan
- (ii) Menyelaraskan, menarik balik, menurunkan pangkat dan / atau menggantung kenaikan pangkat dan / atau pangkat pengedar berkenaan dan / atau pengedar-pengedar lain sekiranya pengedar berkenaan memperolehi kenaikan pangkat sedemikian dengan diambil kira jualan produk-produk tersebut; dan
- (iii) Menyelaraskan, menarik balik, menggantung, membatalkan dan / atau meminta dikembalikan bayaran faedah-faedah lainnya kepada Gano Excel yang telah dibayar, diberi atau dinikmati pengedar berkenaan dan / atau pengedar lain yang terbabit sekiranya pengedar berkenaan memperolehi faedah-faedah tersebut dengan diambil kira jualan produk-produk tersebut.

5.3 Harga beli balik produk-produk yang dikembalikan kepada Gano Excel akan dibayar oleh Gano Excel kepada pengedar berkenaan dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh produk-produk tersebut dikembalikan kepada Gano Excel.

5.4 Satu tempoh bertenang (cooling off) selama sepuluh (10) hari akan diberikan kepada pelanggan untuk semua urusan niaga. Sebarang tuntutan selepas tempoh bertenang tidak akan dilayan.

6.0 PESANAN DAN BAYARAN

- 6.1 Pengedar boleh membuat pesanan dan membeli barangan dari mana-mana Pusat Perkhidmatan, Pusat Stokis, e-Stokis atau daripada Ibu Pejabat Gano Excel di dalam negara atau secara dalam talian melalui laman web rasmi Gano Excel dan perlu dilengkapi Bil Tunai sama ada bercetak atau dalam bentuk fail PDF.
- 6.2 Bayaran boleh dibuat secara tunai atau cek yang dikeluarkan oleh Gano Excel sahaja. Semua cek yang dikeluarkan oleh Gano Excel mesti ditandatangani dan dituliskan nama, dan nombor kad pengenalan berkenaan dengan jelas di bahagian belakang cek atau baucar tunai Gano Excel dan disahkan oleh Pengendali Pusat Perkhidmatan, Pusat Stokis dan e-Stokis.
- 6.3 Pengedar tidak boleh menggunakan cek atau baucar tunai Gano Excel kepunyaan pengedar lain untuk membeli produk dari Pusat Perkhidmatan, Pusat Stokis dan e-Stokis.

7.0 KENAIKAN PANGKAT DAN BONUS

- 7.1 Kenaikan pangkat dan kelayakan untuk mendapatkan bonus bagi pengedar adalah seperti yang diterangkan dalam Pelan Pemasaran Gano Excel.
- 7.2 Semua pembelian adalah secara tunai dan pembayaran bonus akan dibayar pada bulan berikutnya mengikut rekod pembelian melalui cek atau baucar yang dikeluarkan oleh Gano Excel.
- 7.3 Jika terdapat sebarang kesilapan teknik pada penyata bonus, pengedar harus menghubungi syarikat dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh penghantaran. Pihak syarikat tidak akan bertanggungjawab atau melayani sebarang bantahan selepas tempoh yang diberi.
- 7.4 Gano Excel berhak dan pengedar bersetuju sepenuhnya bahawa Gano Excel boleh meminda Pelan Pemasaran tanpa mendapat persetujuan pengedar terlebih dahulu.
- 7.5 Gano Excel berhak menggantung atau menahan bonus, komisen, insentif dan lain-lain faedah jika didapati:
 - (i) Terdapat pertikaian atau perselisihan di antara pengedar dan Gano Excel atau sesama pengedar; atau
 - (ii) Mengikut budi bicara Gano Excel adalah lebih sesuai untuk menggantung bonus, komisen, insentif atau faedah untuk kepentingan bersama; atau
 - (iii) Sekiranya pengedar melanggar atau disyaki melanggar mana-mana Peraturan-Peraturan ini; atau
 - (iv) Jika surat tunjuk sebab telah dikeluarkan atau notis penggantungan telah diberikan oleh Gano Excel kepada pengedar; atau
 - (v) Keahlian pengedar telah ditamatkan; atau
 - (vi) Gano Excel merasakan wajar untuk menahan atau menggantung bayaran bonus, komisen, insentif atau faedah.

8.0 LATIHAN DAN KEMAJUAN DIRI

- 8.1 Pengedar seboleh-bolehnya mengikuti semua latihan kursus yang diselenggarakan atau dianjurkan oleh Gano Excel. Kursus-kursus yang berkaitan Produk dan Pelan Pemasaran Gano Excel diadakan secara percuma. Gano Excel berhak mengenakan bayaran untuk kursus kemajuan diri yang lain yang diselenggarakan atau dianjurkan oleh Gano Excel dari semasa ke semasa.
- 8.2 Pengedar digalakkan untuk memuat turun e-buletin Gano Excel Entrepreneur daripada laman web Gano Excel secara PERCUMA untuk mengemaskinikan pengetahuannya tentang produk, aktiviti dan kegiatan Gano Excel serta lain-lain perkara yang berkaitan dengan perniagaan jualan langsung.

9.0 LARANGAN MENGENAI KEAHLIAN/ PENYERAHAN HAK

- 9.1 Perlantikan pengedar adalah peribadi dan tidak boleh dipindahmilik, dijual atau diserahkan tanpa kebenaran bertulis daripada Gano Excel di mana persetujuan di antara dua pengedar boleh ditahan tanpa sebarang alasan.
- 9.2 Sebarang permohonan pengedar untuk mendapatkan persetujuan Gano Excel untuk hak-hak dan faedah-faedah pengedar supaya ditukarmilik, dijual atau diserahkan mesti disokong dengan penjelasan alasan yang penuh serta memberi syarat-syarat yang jelas

dan terperinci berkenaan dengan tukarmilik, penjualan atau penyerahan tersebut.

9.3 Apabila Gano Excel membenarkan pengedar menjual, menukarmilik atau menyerahkan hak-hak dan faedah keahliannya:

- (i) Gano Excel berhak menetapkan syarat-syarat dan peraturan yang dianggap wajar;
- (ii) Semua keistimewaan, faedah, bonus dan bayaran lainnya yang terakru dan patut diberikan kepada pengedar yang menukarmilik boleh dibayar kepada atau dinikmati oleh pengedar yang ditukarmilik mengikut budi bicara Gano Excel dan bebas daripada sebarang tuntutan daripada pengedar yang menukarmilik.
- (iii) Pengedar atau suami isteri / anak / ibubapa / ibubapa mentua yang menukarmilik tidak boleh memohon atau memohon semula untuk menjadi pengedar;
- (iv) Pengedar yang menukarmilik tidak berhak menuntut dan mengambil apa jua tindakan terhadap Gano Excel dalam apa jua perkara yang berkaitan melibatkan atau menyentuh tentang keahliannya dan sebarang hak kepentingan atau faedah daripadanya.

9.4 Jika pengedar menjadi kurang siuman atau meninggal dunia atau tidak berupaya kerana penyakit, kemalangan atau sebagainya maka -

- (i) Di mana pengedar hanya mempunyai seorang isteri dan dalam keadaan tiada sebarang "notis yang menyatakan sebaliknya" diterima oleh Gano Excel, maka kepentingan dan faedah keahlian boleh / akan dipindahkan kepada isterinya tertakluk kepada semua dokumentasi adalah lengkap dan memuaskan Gano Excel;
- (ii) Jika pengedar mempunyai lebih dari seorang isteri, kepentingan dan faedah keahlian boleh / akan dipindahkan kepada isteri yang dinamakan tertakluk kepada semua dokumentasi adalah lengkap dan memuaskan Gano Excel;
- (iii) Jika pengedar mempunyai lebih dari seorang isteri tetapi beliau tidak mencalonkan mana-mana seorang daripada mereka untuk tujuan 9.4(b) di atas, para isteri pengedar tersebut harus melantik mutlak salah seorang daripada mereka untuk menerima hak dan lain-lain faedah keahlian pengedar tersebut dan semua hak-hak, kepentingan dan faedah dari keahlian tersebut akan ditukarmilik kepada isteri yang dilantik itu tertakluk kepada semua dokumentasi adalah lengkap dan memuaskan Gano Excel.
- (iv) Jika para isteri pengedar gagal, cuai, mengabaikan atau tidak dapat bersetuju untuk mencalonkan salah seorang daripada mereka dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari berlakunya perkara di atas atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Gano Excel, maka hak dan faedah pengedar akan diturun / dipindahmilik kepada benefisiari yang dinamakan oleh pengedar dan jika tiada benefisiari dinamakan, Gano Excel berhak menamatkan keahlian pengedar atau menguruskannya dengan cara yang difikirkan wajar oleh Gano Excel dan bebas dari sebarang tuntutan daripada para isteri pengedar atau harta pusaknya;
- (v) Jika pengedar tidak mempunyai pasangan atau pengedar telah memberi notis bertulis kepada Gano Excel tentang hajatnya untuk tidak memberikan hak, kepentingan dan faedah kepada pasangannya atau isteri yang dinamakan; ataupun pasangannya atau isteri yang dinamakan meninggal dunia atau kurang siuman atau tidak berupaya sebelum dokumentasi dilengkapi dengan memuaskan Gano Excel, maka hak, kepentingan dan faedah pengedar tersebut akan dipindahkan kepada benefisiari yang dinamakan oleh pengedar dan diterima oleh Gano Excel;
- (vi) Jika tiada pasangan atau benefisiari layak menerima hak, hak milik, kepentingan dan faedah pengedar mengikut peraturan-peraturan ini, Gano Excel berhak membatalkan dan / atau menamatkan dan / atau menguruskan keahlian pengedar dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Gano Excel.

9.5 Untuk mengelakkan sebarang keraguan :

- (i) Pencalonan seseorang individu sebagai benefisiari dalam borang yang diperuntukkan atau lain lain bentuk pencalonan oleh pengedar atau penamaan benefisiari dalam wasiat pengedar tidak dianggap atau ditafsir sebagai "notis yang mengatakan sebaliknya" untuk tujuan Peraturan 9.4(a) di atas. Untuk "notis yang mengatakan sebaliknya" menjadi sah ia mesti dalam bentuk bertulis dan

ditandatangani oleh pengedar di hadapan peguambela dan peguamcara dan menyatakan secara spesifik bahawa hak, kepentingan dan faedah keahlian pengedar tidak diberi kepada pasangannya atau isteri yang dinamakan dan notis bertulis berkenaan perlu dan telah diserahkan dan diakui terima oleh Gano Excel sebelum pemindahan hak, kepentingan dan faedah keahlian pengedar diserahkan kepada pasangan atau isteri yang dinamakan;

- (ii) Seseorang individu tidak berhak menerima atau mengambil hak, pangkat, kepentingan dan faedah seseorang pengedar mengikut peraturan-peraturan ini melainkan individu berkenaan masih hidup dan sihat mental dan masih berupaya semasa dokumentasi dilengkapkan dengan sempurna kepada kepuasan Gano Excel;

- (iii) Semua hak, faedah dan kepentingan pengedar adalah peribadi dan kesemua hak, faedah dan kepentingannya akan tamat jika berlaku kematian, tidak siuman atau hilang keupayaan (kerana penyakit, kemalangan atau sebagainya) pengedar tersebut melainkan Gano Excel membenarkan hak dan faedah keahlian pengedar dipindahkan kepada pasangan atau isteri yang dinamakan atau benefisiari yang dinamakan mengikut peraturan-peraturan ini. Hak keahlian pengedar tidak akan berpindah kepada atau menjadi sebahagian daripada harta pusaka pengedar bila beliau meninggal dunia, tidak siuman atau hilang keupayaan.
- 9.6 Pengedar yang ingin menukar nama benefisiari perlu memberi notis bertulis kepada Gano Excel. Penukaran nama benefisiari boleh dilakukan pada bila-bila masa.

10.0 PENAMATAN

- 10.1 Gano Excel berhak menamatkan perlantikan pengedar pada bila-bila masa sekiranya pengedar melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan-peraturan berkenaan jualan langsung atau memungkirkan mana-mana Peraturan atau Kod Etika atau tingkah laku dan tindakan pengedar menjejaskan atau mungkin menjejaskan kepentingan, imej atau reputasi Gano Excel atau pengedar melakukan kesalahan jenayah atau mufliis atau pada pendapat Gano Excel pengedar berkenaan tidak sesuai dan tidak wajar menjadi pengedar Gano Excel atau sebarang pernyataan atau pengakuan dalam permohonan pengedar kepada Gano Excel mengandungi sebarang maklumat palsu, mengelirukan atau tidak benar.
- 10.2 Pengedar boleh menamatkan keahliannya dengan Gano Excel dengan secara bertulis pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang alasan.
- 10.3 Apabila keahlian pengedar ditamatkan maka tajaan (downline) akan dipindahkan kepada penajanya dengan syarat Gano Excel berhak menahan atau menggantung pindaan tajaan pengedar kepada penaja sehingga suatu masa yang difikirkan sesuai oleh Gano Excel.
- 10.4 Tanpa menjejaskan hak dan kuasa Gano Excel menamatkan perlantikan pengedar di bawah Peraturan 10.1 apabila terjadinya kesemua atau mana-mana kejadian yang dinyatakan di Peraturan 10.1 atau 2.6(b) Gano Excel berhak menurut budi bicara mutlaknyanya menggantung semua hak, faedah keistimewaan dan wang yang terakru atau yang patut diberikan kepada pengedar untuk suatu jangkamasa yang tertentu dan atas syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Gano Excel atau mengambil tindakan yang dianggap wajar terhadap pengedar. Pengedar tidak berhak menerima segala hak, faedah, keistimewaan, komisen atau wang semasa tempoh penggantungan dan apabila penggantungan tersebut ditarik balik oleh Gano Excel pengedar tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang hak, faedah, keistimewaan, komisen atau wang yang mungkin terakru kepadanya sekiranya penggantungan tidak berlaku.
- 10.5 Apabila Gano Excel menamatkan atau menggantung atau membatalkan perlantikan pengedar, kad kuasa pengedar mesti diserahkan kembali kepada Gano Excel dan pengedar tidak dibenarkan menjalankan kegiatan menjual, mengedar atau sebarang urusan berkaitan dengan produk Gano Excel dalam apa jua cara dan keadaan sekalipun.

11.0 PINDAAN

- 11.1 Gano Excel berhak pada sebarang masa dan dari semasa ke semasa meminda, mengubah, menambah atau menggantikan semua atau mana-mana peraturan-peraturan ini dan Kod Etika dengan mengumumkan atau menerbitkan di dalam

Gano Excel Entrepreneur atau Info GE atau melalui surat pekeliling atau notis atau media elektronik semasa (internet) dan pengedar wajib mematuhi pindaan peraturan-peraturan dan Kod Etika tersebut.

- 11.2 Gano Excel akan menyimpan satu atau lebih salinan peraturan-peraturan ini yang muktamad dan rasmi di Ibu Pejabatnya yang telah dipinda atau digantikan dari semasa ke semasa dan sekiranya berlaku pertelingkahan mengenai kandungannya atau maksudnya maka dokumen rasmi tersebut adalah teks yang sah.
- 11.3 Pengedar dianggap mempunyai pengetahuan dan perlu mengambil perhatian terhadap kesemua peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa seperti tercatat di dokumen rasmi peraturan-peraturan dan adalah menjadi kewajipan pengedar menyemak sendiri peraturan-peraturan terkini seperti yang tertera dalam dokumen rasmi peraturan-peraturan ini.

12.0 MAKLUMBALAS

- 12.1 Seseorang pengedar (selepas ini akan dipanggil PENGADU) yang mempunyai masalah mengenai apa-apa perkara yang berlaku berkaitan dengan syarikat ataupun mana-mana pengedar, perlulah membuat laporan bertulis kepada pihak syarikat untuk diambil tindakan susulan yang sewajarnya oleh pihak syarikat. Satu perjumpaan akan diadakan oleh pihak syarikat dengan memanggil PENGADU sejurus laporan bertulis yang dikemukakan oleh PENGADU telah diterima oleh pihak syarikat untuk tindakan / siasatan lanjut. Langkah ini bertujuan supaya satu penyiasatan terperinci dapat dijalankan. Pihak syarikat akan menjalankan penyiasatan dan satu tindakan akan dibuat dengan mengambil kira dari pelbagai aspek. Keputusan yang dibuat oleh pihak syarikat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikai oleh mana-mana pihak.

13.0 LAIN-LAIN

- 13.1 Peraturan-peraturan, Pelan Pemasaran dan lain-lain perkara yang diterangkan dalam Peraturan Perniagaan Pengedar Gano Excel disediakan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina dan sekiranya berlaku pertelingkahan antara versi yang berlainan maka versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.
- 13.2 Sebarang kegagalan atau kelewatan oleh Gano Excel melaksanakan sebarang hak kuasa keistimewaan atau remedi terhadap pengedar berdasarkan keingkaran / kemungkiran pengedar berkenaan tidak menjejaskan hak kuasa keistimewaan atau remedi tersebut atau ditafsir sebagai penepian atau akuiesens terhadap keingkaran / kemungkiran tersebut.
- 13.3 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam peraturan-peraturan ini atau Kod Etika atau mana-mana bahagiannya diputuskan tidak sah atau tidak boleh dilaksanakan oleh mana-mana mahkamah atau badan pentadbiran berbidang kuasa maka bahagian yang tidak sah atau tidak boleh dilaksanakan itu tidak akan menjejaskan peruntukan-peruntukan Peraturan atau Kod Etika yang lainnya dan peruntukan yang lainnya tetap dikuatkuasa dan berkuatkuasa.
- 13.4 Sekiranya terdapat mana-mana peruntukan daripada peraturan-peraturan ini atau Kod Etika atau mana-mana bahagian yang bercanggah dengan mana-mana:
 - a) Akta Parlimen atau Perundangan Subsidiari; atau
 - b) Perintah atau Polisi Kerajaan; atau
 - c) Syarat-syarat dan peraturan lesen yang diluluskan oleh pihak berkuasa

- menurut Akta Jualan Langsung 1993; atau
- d) Syarat-syarat dan terma-terma yang diperuntukkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa; maka peruntukkan tersebut akan dianggap tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan yang lainnya di peraturan-peraturan ini atau Kod Etika.